

Dalam kepesatan pembangunan di Pulau Pinang, wujud perkampungan nelayan tradisional di sebuah pulau yang dikenali dengan nama Pulau Aman. Pulau Aman merupakan sebuah pulau kecil yang sangat tenang.

Pulau yang seluas 116 hektar itu didiami oleh kira-kira 146 orang penduduk yang melibatkan 50 buah keluarga. Pulau ini amat menarik kerana menyimpan banyak sejarah. Ketika ini, lebih 90 peratus muka bumi Pulau Aman masih diselimuti hutan dan udaranya sungguh segar sekali. Pulau ini unik kerana tiada kereta di sini dan sangat kurang pencemaran udara.

- 4 Berapakah keluasan Pulau Aman?
- A 50 hektar
 - B 90 hektar
 - C 116 hektar
 - D 146 hektar
- 5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Pulau Aman tersimpan banyak sejarah.
 - B Pulau Aman diselimuti 50 peratus hutan.
 - C Pulau Aman banyak berlaku pencemaran udara.
 - D Pulau Aman didiami oleh kira-kira 90 buah keluarga sahaja.
- 6 Berikut ialah keistimewaan Pulau Aman berdasarkan petikan *kecuali*
- A udaranya yang sungguh bersih.
 - B pulau kecil yang sangat tenang.
 - C sangat pesat dengan pembangunan.
 - D tiada kereta dan kurang pencemaran.